

PENILAIAN STRATEGI ALAM SEKITAR (SEA) SEBAGAI CADANGAN TAMBAHAN EIA DALAM SISTEM PENGURUSAN ALAM SEKITAR DI MALAYSIA

Rahimah Wahid

SEA merupakan suatu proses formal, sistematik dan komprehensif untuk menilai kesan alam sekitar berkaitan dengan sesuatu polisi, pelan dan program (PPP). Pendekatan SEA ini meliputi 12 kaedah yang boleh digunapakai bersama EIA bagi memantapkan penyediaan laporan EIA dari peringkat awal pembuatan keputusan. SEA ini dianggap sebagai tambahan kepada prosedur EIA yang dapat menambahbaik kekurangan dalam penyediaan laporan EIA. Melalui artikel ini penilaian input ekologi dalam laporan EIA dikenalpasti. Antara kelemahan dalam penyediaan laporan EIA ialah tidak dapat mengenalpasti kesan ketara, penyediaan laporan yang tidak mengambilkira pembangunan rentetan, langkah kawalan alam sekitar lebih terhad, ketidakkukupan dan ketidaksesuaian dalam langkah penebatan dan keterbatasan dalam skala masa dan kewangan serta gagal untuk mengimplementasikan apa yang dicadangkan secara serius bila projek dilaksanakan. Kelemahan ini jika dibiarkan tidak diurus dengan baik, akan melemahkan aspek pemuliharaan kepelbagaian biologi dalam negara. Oleh itu perlu ditekankan input ekologi dalam penyediaan laporan EIA, dan SEA mungkin dapat membantu dalam kelemahan dan kekurangan yang ada dalam EIA.

Kata kunci: SEA, EIA, input ekologi, pengurusan alam sekitar

PENGENALAN

EIA (*Environmental Impact Assessment*) merupakan satu prosedur yang perlu dipatuhi oleh pihak pemaju dan perunding dalam penyediaan laporan EIA yang lebih signifikan. Terdapat beberapa kelemahan dalam penyediaan laporan EIA bagi penilaian input ekologi untuk aktiviti kuari telah dikenalpasti. Penggunaan SEA (*Strategic Environmental Assessment*) sebagai cadangan tambahan kepada EIA adalah satu perkara yang boleh pertimbangan oleh pihak pembuat keputusan dan pihak pelaksanaan projek pembangunan. Dalam artikel ini akan diperjelaskan kepentingan SEA dan peranannya sebagai cadangan tambahan dalam memantapkan dalam penyediaan laporan EIA yang merupakan alat pengukur strategi pengurusan persekitaran di Malaysia

KAJIAN LITERATUR

Penilaian Strategi Alam Sekitar (SEA)

Menurut Fidler & Noble. (2013) & Therivel (2004) SEA ialah proses formal, sistematik dan komprehensif untuk menilai kesan alam sekitar berkaitan dengan sesuatu polisi, pelan dan program (PPP). Dalam penilaian ini laporan disediakan dan digunakan untuk tujuan membuat keputusan. Berdasarkan definisi ini, jelaslah bahawa proses dan kepentingan SEA sama seperti EIA iaitu:

- Pertama, prosesnya sistematik dan skop kajiannya menyeluruh dalam erti kata mencakupi isu-isu berkaitan dengan kesan alam sekitar akibat pelaksanaan polisi, pelan dan program
- Kedua, proses SEA dianggap formal kerana perlu memenuhi tatacara atau garis panduan tertentu telah ditetapkan oleh agensi penguatkuasa
- Ketiga laporan disediakan setelah kajian selesai
- Keempat, laporan SEA digunakan dalam membuat keputusan mengenai pelaksanaan polisi, pelan dan program yang dicadangkan.

Wood (2003) telah menjelaskan maksud polisi, pelan, program dan projek serta hubungan antaranya. Polisi ialah dasar yang memandu tindakan. Pelan pula berfungsi untuk melaksanakan inspirasi polisi. Oleh itu, pelan mengandungi objektif yang terselaras serta jangka masa objektif berkenaan hendak dicapai. Program pula terdiri daripada pelbagai projek yang dirancang untuk dilaksanakan. Polisi, pelan dan program boleh bersifat sektor seperti sektor pertanian, perhutanan, mineral dan sebagainya. Polisi, pelan dan program boleh juga berbentuk ruang seperti negara, negeri, wilayah dan tempatan. Ini bermakna, polisi, pelan, program dan projek boleh dianggap berada pada peringkat yang berlainan, iaitu polisi di peringkat teratas diikuti pelan, program dan projek.

Status Pelaksanaan SEA

Sheate (2012) mengenalpasti tiga peringkat pelaksanaan SEA. Pertama ialah negara atau organisasi yang telah memperkenalkan prosedur SEA yang formal dan mandatori. Ini bermakna SEA wajib dilaksanakan untuk pelan, polisi dan program tertentu yang dicadangkan. Kedua ialah negara atau organisasi yang mempersepadakan penilaian alam sekitar dalam prosedur perancangan. Ketiga ialah negara atau organisasi yang masih dalam proses memperkenalkan keperluan penilaian alam sekitar dalam prosedur perancangan PPP. Partidario & Jos Arts. (2005) membincangkan mengenai pelaksanaan SEA di negara-negara Eropah. Wood (2003) pula membincangkan pelaksanaan SEA di bawah sistem SEA Amerika Syarikat, Kanada, Australia dan New Zealand.

Daripada segi perundangan, Amerika Syarikat merupakan negara terawal memperkenalkan keperluan SEA melalui NEPA, 1970 (Charles 2008). Majlis Kualiti Alam Sekitar telah mengeluarkan Garis panduan SEA untuk pelan dan program. Negara-negara

Eropah seperti United Kingdom, Sweden, Finland, Jerman dan Perancis telah melaksanakan SEA untuk polisi, pelan dan program walaupun tiada perundangan yang mewajibkannya. Belanda lebih jauh terkehadapan kerana mempunyai peruntukan perundangan dan melaksanakannya untuk polisi, pelan, program dan keputusan kabinet.

New Zealand, Australia dan Kanada juga telah menjalankan SEA untuk polisi, pelan dan program. Namun begitu terdapat perbezaan iaitu New Zealand mempunyai perundangan di bawah *Resource Management Act*, 1991 sedangkan pelaksanaan di Australia tanpa keperluan perundangan dan Kanada pula hanya mempunyai arahan pentadbiran. Berapa pengkaji telah menjelaskan contoh SEA untuk pelbagai sektor pembangunan seperti perancangan pembangunan pelancongan (Lemos, Fischer & Souza. (2012), pembangunan infrastruktur (Jos Arts & Lamoen (2005) dan pembangunan pertanian (Noble & Christmas (2008). Pengalaman terkini mengenai SEA untuk pelan perancangan telah dilaporkan oleh Partidario (2000). Sebagai contoh proses penilaian alam sekitar dalam perancangan pembangunan wilayah, terdiri daripada lima peringkat utama iaitu:

- mengenalpasti langkah-langkah kawalan alam sekitar yang digunakan dalam penilaian
- menyediakan inventori sumber alam sekitar dalam kawasan perancangan
- menilai jumlah pelbagai sumber semula jadi dalam kawasan awam dalam kawasan perancangan
- menilai secara kuantitatif kesan alam sekitar yang mungkin terjadi bagi setiap pelan alternatif
- mengenalpasti dan memperkenalkan langkah-langkah kawalan alam sekitar

Bagi melihat gambaran lebih jelas mengenai SEA untuk perancangan pembangunan kawasan, kaedah yang dicadangkan oleh Jabatan Perumahan dan Pembangunan Bandar Amerika diringkaskan dalam Jadual 1.

Jadual 1: Kaedah SEA untuk perancangan pembangunan kawasan

Bil	Kaedah
1	Mengenalpasti keperluan dan kemungkinan <ul style="list-style-type: none"> • petunjuk keperluan • sumber maklumat, kepakaran, peruntukan kewangan • reka bentuk kajian
2	Menentukan kawasan kajian, unit analisis, data alam sekitar <ul style="list-style-type: none"> • sumber maklumat • lokasi perubahan faktor-faktor alam sekitar • lokasi sumber dan kawasan berbahaya • sempadan kuasa dan tanggungjawab • kesesuaian dengan kesan yang dijangka
4	Mengenalpasti alternatif <ul style="list-style-type: none"> • mengenalpasti isu-isu utama • mengenalpasti isu-isu sampingan • menentukan rancangan kerja-menilai sempadan kajian, rancangan pengumpulan maklumat, format laporan
5	Analisis alam sekitar <ul style="list-style-type: none"> • mengumpul dan mendokumen maklumat latar belakang • mengenalpasti unit-unit gandaan permintaan dan kepenggunaan (per kapita, per unit kediaman, industri dan lain-lain) • menjangka kesan-untuk setiap komponen alam sekitar bagi setiap alternatif
6	Sintesis dan penilaian kesan <ul style="list-style-type: none"> • mengenalpasti piawai dan kriteria penilaian • menilai kesan bagi setiap komponen alam sekitar membandingkan alternative
7	Cadangan <ul style="list-style-type: none"> • mengenalpasti langkah kawalan • mengenalpasti alternatif yang dipilih

(Sumber: Abdullah Mohamad Said 2008)

Pada 1986 *The California Environmental Quality Act 1986*, (CEQA) mula membuat persediaan untuk SEA bagi memasukkan input ekologi. Ini kerana ia perlu dalam menilai tindakan impak sama ada impak tersebut impak langsung, tidak langsung, impak jangka panjang atau pendek, impak tidak dapat dielakkan, impak kumulatif dan pertambahan sesuatu impak. Tambahan pula, akta itu juga memerlukan penerangan bagi alternatif untuk cadangan tindakan, termasuk alternatif kawasan tapak, mengurangkan atau menghindari impak signifikan. Cadangan CEQA ini juga mungkin boleh dijadikan antara prosedur yang lebih terperinci bagi

laporan EIA di Malaysia, memandangkan ia mengambil alternatif cadangan tindakan termasuk kawasan tapak yang boleh digunakan untuk aktiviti kuari.

Selain itu di Belanda, pengurusan alam sekitarnya sudah mempunyai pengalaman tentang SEA sejak awal 1980an lagi dan digunakan dalam sistem SEA formal untuk pelan sektor pengurusan sampah sarap, bekalan air minuman, tenaga dan elektrik dan pelan gunatanah sejak tahun 1987 (Jos Arts & Lamoen 2005). Keperluan peraturan SEA menganalisis secara meluas impak dan kesignifikannya, dan kesimpulan daripada penganalisisan itu akan diperiksa oleh perwakilan khas EIA. Walaupun penggunaan SEA mengalami proses jangka waktu tidak menentu dan kos yang tinggi, namun SEA secara berperingkat-peringkat telah menjadi panduan utama aktiviti pembangunan di Belanda sekarang ini.

Afrika Selatan juga ada menggunakan SEA dalam Pengurusan Persekitaran Bersepadu (Retief 2007). Di mana ia mencadangkan kemasukan polisi dan cadangan perancangan dalam pelan gunatanah untuk melindungi kawasan bagi penggunaan sumber hasil semulajadi. Oleh itu berdasarkan penggunaan SEA di negara-negara lain, SEA juga boleh digarapkan dalam penggunaannya cara khusus untuk aktiviti kuari. Ini bagi memastikan pematuhan dan kekurangan dalam input ekologi dapat dikenalpasti daripada awal penyediaan laporan EIA. Ini sebagaimana yang dinyatakan oleh Fookes (2000) SEA boleh dijadikan panduan kedua selepas EIA dalam proses membuat keputusan aktiviti pembangunan yang lebih khusus untuk aktiviti kuari.

HASIL PERBINCANGAN

SEA Sebagai Penambahan Kepada EIA

i. Kepentingan SEA dan kekurangan EIA

Terdapat beberapa perspektif dalam melihat kepentingan SEA sebagai cadangan tambahan kepada prosedur EIA itu sendiri. Pertamanya EIA merupakan perluasan kepada penggunaan EIA yang dilaksanakan untuk menilai kesan alam sekitar akibat daripada pembangunan (Abdullah Mohamad Said 2000). Perspektif ini mengutarakan pelbagai kelemahan dan kekurangan EIA untuk projek. Antaranya:


- a. EIA yang dibuat terbatas daripada segi mengenalpasti kesan alam sekitar
- b. EIA yang disediakan untuk tidak mengambilkira pembangunan rentetan, iaitu pembangunan yang akan berlaku ekoran daripada projek yang dicadangkan.
- c. Pelbagai projek pembangunan dilakukan dalam tempoh yang terlalu hampir antara satu sama lain, atau terlalu banyak projek yang dibangunkan dalam satu kawasan pada suatu masa. Ini akan menyebabkan persekitaran yang telah dirosak tidak mempunyai masa atau ruang yang cukup untuk kembali kepada keadaan semulajadi. Jika EIA dilaksanakan untuk pelan dan polisi kesan ini dapat dikenalpasti dan dielakkan.
- d. EIA juga tidak memberi kesempatan daripada segi menilai pelbagai alternatif pelaksanaannya dan langkah kawalan alam sekitar lebih terhad.

Selain itu terdapat kelemahan lain yang diabaikan dalam EIA. Antaranya ialah:

- reaktif sedia ada penilaian persekitaran, gagal untuk mengambilkira cadangan pembangunan;
- kegagalan untuk mempertimbangkan impak kumulatif;
- keterbatasan dalam menyediakan alternatif untuk cadangan pembangunan;
- ketidakcukupan dan ketidaksesuaian dalam langkah penebatan;
- keterbatasan dalam skala masa, EIA terbatas dengan faktor seperti kewangan terhad, dengan hasil dalam masa singkat untuk mengumpul data asas yang baik dan penganalisisan mereka
- kegagalan untuk menerangkan agenda pembangunan lestari

Berdasarkan kelemahan dalam penyediaan laporan EIA ini menunjukkan bahawa adalah wajar SEA digunakan sebagai cadangan penambahan untuk EIA bagi memantapkan lagi proses pelaksanaan projek pembangunan. Namun begitu, untuk SEA boleh dilaksanakan dengan jayanya di setiap negara, banyak pindaan perlu dilakukan dan banyak perkara perlu dipertimbangkan seadil mungkin. Selain itu juga hubungan kuat antara SEA dan EIA iaitu secara kasar kedua-duanya berkongsi beberapa objektif dan prinsip yang sama serta aspek komponen persekitaran juga serupa. Perkaitan antara SEA dan EIA dengan lebih jelas dinyatakan dalam Rajah 1 oleh Partidario (2000).

Rajah 1: Perkaitan antara SEA dan EIA




(Sumber: Partidario 2000)

SEA dan EIA diwujudkan adalah bertujuan supaya saling mengimbangi antara satu sama lain melalui pendekatan konteks yang selari bagi projek pembangunan yang akan dijalankan sama ada pada permulaan proses membuat keputusan dan pelaksanaan projek (Fischer 2003 & Partidario 2000). SEA juga boleh melibatkan peringkat bagi tindakan strategi, kemudian peringkat polisi, pelan, program dan akhirnya pada projek EIA. Ia juga boleh menjadi peringkat penilaian daripada polisi SEA ke bawah program SEA dan projek EIA, seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 2. Dalam teori ini, aspek pembuatan keputusan dan penggunaan SEA pada peringkat pertama, tidak perlu seterusnya difikirkan pada peringkat 'lebih rendah'. Oleh itu peringkat pembuatan keputusan dan SEA akan menjimatkan masa dan sumber (Therivel 2004).

Rajah 2: Peringkat SEA dan EIA dalam penilaian strategi persekitaran menyeluruh bagi projek pembangunan infrastruktur

Peringkat kerajaan	Pelan gunatanah SEA	Polisi (SEA)	Pelan (SEA)	Program (SEA)	Projek (EIA)
--------------------	---------------------	--------------	-------------	---------------	--------------




(Sumber: Wood 2003)

ii. SEA dalam pembangunan lestari

Selain daripada SEA yang boleh dijadikan penambahan kepada kekurangan EIA, SEA juga boleh digunakan sebagai pendekatan untuk mencapai matlamat konsep pembangunan lestari. Pembangunan lestari atau mapan merupakan gagasan antarabangsa yang memerlukan semua negara memberikan kerjasama supaya matlamatnya mengesimbangkan pembangunan dengan penjagaan alam sekitar tercapai. Pendekatan pembangunan lestari dan penggunaannya perlu meliputi peringkat polisi, pelan, program dan projek. Dengan cara ini konsep pembangunan lestari dapat diserap daripada suatu gagasan antarabangsa menjadi matlamat pembangunan pada peringkat tempatan (Abdullah Mohamad Said 2000). Bagi memastikan ini tercapai, konsep penilaian alam sekitar perlu dilaksanakan pada pelbagai peringkat bermula pada peringkat cadangan polisi pembangunan dan diikuti pada peringkat pelan dan program. SEA juga boleh dijalankan sebagai rujukan bersama EIA diawal penyediaan laporan.

SEA dan pembangunan lestari adalah saling berkaitan. Rajah 3 menunjukkan bagaimana SEA boleh membantu integrasi pertimbangan terhadap keprihatinan persekitaran dalam proses PPP untuk membantu bagi mencapai pembangunan lestari yang lebih praktikal. Penekanan pembangunan lestari dalam SEA wajar untuk dijadikan contoh dalam EIA. Walaupun EIA satu dokumen yang menekankan aspek alam sekitar, namun dalam melestarikan setiap pembangunan yang dijalankan adalah tidak begitu jelas. Apa lagi yang ada perkaitan dengan aspek ekologi secara khusus.

Rajah 3: SEA daripada projek EIA kepada PPP yang lebih lestari secara praktikal



(Sumber: Diadaptasi dari Partidario 2000)

iii. Penggunaan SEA dalam aktiviti kuari

Semakan input ekologi dalam penilaian awal EIA untuk pengoperasian kuari menekankan tiga persoalan penting, iaitu:

- persoalan impak kumulatif cadangan projek pembangunan tidak disertakan dalam laporan EIA yang disemak walaupun dalam garis panduan EIA memerlukan (Jabatan Alam Sekitar 2000)
- maklumat ekologi dalam laporan tidak mencukupi
- maklumat yang memadai dalam proses pembuatan keputusan.
- cadangan langkah penebatan untuk penilaian impak persekitaran signifikan adalah reaktif

Penyataan bahawa kesan ekologi tidak boleh diramal atau dinilai secara berkesan adalah justifikasi untuk penilaian strategi persekitaran di Malaysia. Penambahan SEA dalam EIA bagi aktiviti kuari mungkin boleh digunakan untuk dua matlamat iaitu:


i. Matlamat jangka pendek:

- integrasi penilaian impak kumulatif dan tidak langsung
- interaksi impak dalam projek EIA akan dapat menyarankan beberapa strategi jangka pendek EIA
- kaedah dan piawai yang akan disediakan oleh Jabatan Alam Sekitar dalam menggerakkan penilaian dalam semakan laporan EIA
- strategi EIA dilaksanakan melalui pengenalan SEA dan dalam proses projek EIA
- laporan EIA akan dapat memperhitungkan pelbagai pelan, program dan persoalan dalam pelbagai organisasi

ii. Matlamat jangka panjang:

- memasukkan SEA ke dalam sektor aktiviti berjadual (pembinaan, perumahan, pengoperasian kuari, pelancongan dan lain-lain)
- penilaian persekitaran untuk alternatif pembangunan dalam seluruh sektor
- SEA sektor dibahagikan dengan keseluruhan ekosistem, yang memasukkan matlamat sosial, ekonomi dan persekitaran, tetapi untuk artikel ini hanya komponen ekologi yang terlibat dalam aktiviti kuari, rangka matlamat jangka panjang untuk aktiviti kuari ditunjukkan dalam Rajah 4.
- pengenalpastian petunjuk ekologi dan penentuan dana penyelidikan
- petunjuk boleh digunakan dalam SEA untuk memastikan dan menerangkan garis dasar pengukuran persekitaran dan impak peramalan, berbanding pelaksanaan alternatif dan memantau PPP

Rajah 4: Matlamat jangka panjang SEA untuk aktiviti kuari dalam penilaian strategi persekitaran



(Sumber: Diubahsuai dari Glasson, Therivel & Chadwick 1994)

iv. SEA dan EIA dalam sistem pengurusan persekitaran di Malaysia

Aktiviti-aktiviti pembangunan tanah dan sumber asli merupakan teras kepada ekonomi negara. Namun aktiviti-aktiviti ini telah menimbulkan berbagai-bagai masalah sampingan ke atas alam sekitar yang hampir sama iaitu mengurangkan potensi perhutanan, memusnahkan ekosistem semulajadi, mengganggu hidupan liar, mengakibatkan hakisan tanah, pemendapan sungai, mengganggu sistem hidrologi, mengakibatkan banjir dan sebagainya. Masalah-masalah ini kian bertambah dan memaksa kerajaan meningkatkan rancangan pengurusan alam sekitarnya. Antara peningkatan rancangan pengurusan alam sekitar negara iaitu:

- meluluskan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974,
- menggubal polisi-polisi dan strategi-strategi alam sekitar dalam rancangan lima tahun negara
- menubuhkan Jabatan Alam Sekitar di bawah kementerian yang terlibat

(Abdullah Mohamad Said 2000)

Kini Pengurusan persekitaran di Malaysia sudah dimajukan melalui langkah perundangan dan bukan perundangan untuk beberapa dekad yang lalu. Langkah perundangan melibatkan pelaksanaan undang-undang melalui peraturan persekitaran, arahan, pelesenan, manakala langkah bukan perundangan selalunya melalui pendidikan alam sekitar, perancangan projek, dan penggunaan prosedur dan garis panduan untuk melaksanakan projek tertentu. Oleh itu strategi-strategi alam sekitar boleh membantu sebagai penambahan peraturan sedia ada untuk memantapkan lagi garis panduan yang ditetapkan, sebagaimana SEA yang dicadangkan sebagai alat pengukur strategi sistem pengurusan persekitaran.

KESIMPULAN

Pengenalan SEA adalah sebagai penambahan dalam mengatasi keterbatasan EIA. SEA melibatkan pendekatan polisi, pelan dan perancangan penilaian persekitaran. SEA melihat kesan ke atas alam sekitar pada projek pembangunan. Manakala fokus kesan pembangunan terhadap persekitaran, adalah tugas EIA.

SEA tidak bermaksud mengambilalih EIA, tetapi SEA melibatkan setiap peringkat proses pembuatan keputusan. Dalam peringkat ini, PPP untuk alam sekitar dirumuskan dalam cara proaktif menggunakan SEA. PPP ini kemudian akan membentuk rangka kerja dengan matlamat pembangunan khusus dan projek yang boleh menilai dengan menggunakan EIA. SEA banyak digunakan di beberapa negara dengan pengalaman tertentu yang menunjukkan SEA banyak dicadangkan, iaitu lebih mudah dilaksanakan pada peringkat projek.

Bagi SEA dilaksanakan, ia perlu mencari jalan dalam agenda politik dan pengaplikasian dalam jangka masa yang lama. Tidak seorang pun memahami dengan baik kelemahan dan ketidakcukupan dalam EIA berdasarkan projek daripada orang yang terlibat dalam peraturan berkaitan dengannya. Oleh itu pihak berwajib perlu memberi komitmen untuk memajukan penggunaan SEA di dalam sistem pengurusan persekitaran di Malaysia. Walaupun SEA belum menjadi perkara penting di Malaysia, kajian alam sekitar menjadi sebahagian daripada kajian sektor dalam pelan struktur. Antaranya bagi aktiviti kuari, yang dilihat daripada peringkat PPP dalam SEA. Ini boleh menjadi asas kepada perkembangan SEA.

RUJUKAN

- Abdullah Mohamad Said. (2000). *Penilaian Kesan Alam Sekitar: Prinsip dan Amalan*. Universiti Teknologi MARA: Biroteks
- Abdullah Mohamad Said. (2008). *Environmental Impact Assessment post monitoring and audit in Malaysia*. Shah Alam: University Publication Centre (UPENA)
- Charle, H.E.2008. *NEPA Environmental: Tools, techniques, and approaches for practitioners*. Boca Raton: CRC Press - Taylor & Francis Group
- Fidler, C. & Noble, B. F. (2013). Advancing Regional Strategic Environmental Assessment In Canada's Western Arctic: Implementation Opportunities and Challenges. *Journal Of Environmental Assessment Policy and Management*. 15:01.
- Fischer, T. B. (2003). Strategic environmental assessment in post-modern times. *Environmental Impact Assessment Review*. 23:155-170
- Fookes, T. (2000). Strategic environmental assessment. Dlm Wood, C. (pnyt.). 2003. Ed. ke-2. *Environmental impact assessment: a comparative review*, hlm 266-273. Pearson Education: England
- Glasson, J., Therivel, R., & Chadwick, A. (1994). *Introduction environmental impact assessment: principles and procedures, process, practice and prospects*. UCL Press Limited: London
- Jabatan Alam Sekitar. (2000). *A handbook environmental impact assessment guidelines*. Ed. ke-3. Ministry of Natural Resources & Environment: Department of Environment
- Jos Arts & Lamoen, F. V. (2005) Before EIA: Defining the Scope Of Infrastructure Projects In The Netherlands. *Journal of Environmental Assessment Policy and Management*. 07:01, 51-80.
- Lemos, C. C., Fischer, T. B. & Souza, M. P (2012). Strategic environmental assessment in Tourism planning - Extent of application and quality of documentation. *Environmental Impact Assessment Review*. 35, 1-10.
- Noble, B. F & Christmas, L. M. (2008). Strategic Environmental Assessment of Greenhouse Gas Mitigation Options in the Canadian Agricultural Sector. *Environmental Management* 41:1, 64-78.
- Partidário, M. R & Jos Arts. (2005). Exploring the concept of strategic environmental assessment follow-up. *Impact Assessment and Project Appraisal*. 23:3, 246-257.
- Partidario, M. R. 2000. Elements of an SEA framework-improving the added-value of SEA. *Environmental Impact Assessment Review*. 20: 647-663.
- Retief, F. (2007) A performance evaluation of strategic environmental assessment (SEA) processes within the South African context. *Environmental Impact Assessment Review* 27:1, 84-100.
- Sheate. R. W (2012). Purposes, paradigms and pressure groups: Accountability and sustainability in EU environmental assessment, 1985–2010. *Environmental Impact Assessment Review* 33:1, 91-102
- Therivel, R. (2004). *Strategic environmental assessment in action*. United Kingdom: Earthscan
- Wood, C. (2003). *Environmental impact assessment: a comparative review*. Ed. ke-2. Pearson Education Limited: England

Rahimah Wahid
Jabatan Pengajian Kemasyarakatan & Kewarganegaraan
Fakulti Sains Kemusiaan
Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900, Tanjong Malim, Perak, Malaysia
Email: rahimah3119@gmail.com